

24 JUL 1997

UNG HUOT KUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Menteri Luar Kemboja Ung Huot hari ini melakukan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Dalam pertemuan selama kira-kira 30 minit itu, Ung Huot dipercayai memberitahu Dr Mahathir mengenai perkembangan di negaranya.

Ung Huot, yang telah dinamakan sebagai Perdana Menteri Pertama Kemboja bagi menggantikan Putera Norodom Ranariddh oleh penyokong parti Funcinpec, tiba di Kuala Lumpur semalam untuk mewakili Kemboja, sebagai pemerhati ke Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-30.

Asean semalam menerima masuk Laos dan Myanmmar sebagai anggota tetapi mengekalkan keputusan yang dibuat 10 Julai lalu untuk menangguh kemasukan Kemboja sehingga kemelut politik di negara itu selesai.

Keputusan tersebut diambil berikutan Kemboja dilanda krisis politik yang menyaksikan Ranariddh disingkir oleh Perdana Menteri Kedua Hun Sen 6 Julai lalu.

-- BERNAMA

MHI oba